

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



RIDERUNNER: MEMACU PENGGERAK EKONOMI SETEMPAT



Ranee Atlas1, Tina Stephen Enggong2, Saifulrizan Norizan2,
Lucy Batchy Gabriel Puem3, dan Nuraini Putit1

1Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, 2Fakulti Perakaunan,
3Fakulti Pengurusan & Perniagaan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Samarahan, Sarawak.

*Koresponden: ranee@uitm.edu.my


Sejak negara dilanda penularan wabak Covid-19 yang serius awal tahun 2020, ramai di kalangan rakyat yang buntu memikirkan nasib kerana kehilangan pekerjaan atau sumber rezeki, tekanan, kebimbangan dan pelbagai masalah mental yang lain kerana merasa terkurung akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ketat. Banyak perniagaan yang terpaksa ditutup buat sementara waktu demi mematuhi arahan PKP dan tidak kurang juga yang tidak dapat bertahan dan terpaksa gulung tikar kerana menanggung bebanan yang tinggi dari segi kos operasi, beban sewa kedai dan upah pekerja.

Keadaan yang amat mencabar ini juga telah membuka ruang dan peluang bagi seorang usahawan muda kelahirannya Menggatal, Sabah bernama Achmad Noorasyrul bin Noortaip yang telah menghasilkan aplikasi telefon pintar yang dinamakan Riderunner.my. Aplikasi yang dibangunkan pada tahun 2020 ini merupakan aplikasi "On-Demand" yang menghubungkan antara pemandu dan penumpang, barang, pembelian baran serta urusan kaunter. Idea beliau ini berkonsepkan 4P (Penghubung, Pengerak, Pemacu, Paradigma) bukan sahaja menghubungkan pemandu dan penumpang malah membawa daya fikir baharu yang mampu merangsang pembangunan insan dan pencapaian setempat mahupun di peringkat nasional.



Achmad merupakan graduan Diploma Pengurusan Pelancongan dari UiTM Sarawak yang telah membina nama di dalam pelbagai bidang perniagaan yang ditubuhkan dengan titik peluhnya sendiri sejak 13 tahun yang lepas iaitu Idolegacy Sdn Bhd. Syarikat ini terlibat dalam pelbagai jenis perniagaan termasuk Coedev.my, projek perniagaan sosial berasaskan Pendidikan dan pembangunan IT, Azalea Concept pula menawarkan servis dalam pengurusan majlis dan panghasilan produk hadiah perkahwinan, surah yasin dan doa. Manakala satu lagi anak syarikat di bawah naungan Idolegacy ialah Idolegacy Contractor yang menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan, pemasangan dan penjualan penghawa dingin, pendawaian serta latihan kemahiran. Satu lagi cabang perniagaannya ialah Rikod.my iaitu aplikasi telefon pintar untuk merekod transaksi perniagaan, penghasilan inbois, resit dan pengurusan stok melalui awan (Cloud) khususnya untuk usahawan IKS.

Menurut beliau, dalam jangka masa panjang pendekatan perniagaan Riderunner bukan sahaja memberi manfaat kepada pekerja sepenuh masa, penggerak perkhidmatan runner dan pemandu e-hailing, malah beliau berhasrat untuk membuka lebih banyak peluang baharu kepada masyarakat setempat. Sasaran Riderunner termasuklah Non-Rider Initiative (NRI) iaitu projek yang mensasarkan 10,000 peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat seperti surirumah, ibu dan bapa tunggal, golongan penggiat pekerjaan sendiri atau freelancer, pelajar IPTS/IPTA, peniaga kecil dan sederhana untuk menjana pendapatan melalui aplikasi yang boleh dimuat turun melalui peranti Android Google dan iOS Apple ini.



Sejak Februari 2020 sehingga kini, aplikasi ini telah menerima sambutan yang sangat baik dari masyarakat sekitar bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Kira-kira 9,000 pengguna telah memuat turun aplikasi ini di telefon pintar mereka dan sekurang-kurangnya 1,500 keluarga telah berjaya menerima pesanan makanan mereka sewaktu pandemik ini. Selain daripada itu, 1,000 rider yang terawal mendaftar dan berkhidmat sebagai penghantar makanan kini mampu tersenyum kerana mereka menerima insentif berbentuk wang saku sejumlah RM600 sebulan. Aplikasi ini telah disertai seramai 3,000 pemandu e-hailing dan 1,000 penggerak perkhidmatan runner di seluruh Sabah. Di samping itu, Achmad turut mempunyai 14 orang pekerja sepenuh masa untuk menguruskan perniagaannya ini.

